

Headline	RM1.3j dana buka Siswasave		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	9	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	256 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,634
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,902



RM1.3j dana buka Siswasave

Harga barang 30 peratus lebih murah

Oleh Rosniza Mohd Taha
 yoniza@bharian.com.my

GOMBAK: Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memperuntukkan RM1.3 juta bagi membuka Kedai Siswa 1Malaysia (Siswasave) yang menjual barangan keperluan harian pelajar pada harga 10 hingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran di 13 institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan.

Sebagai permulaan, lima Siswasave kini beroperasi di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi Mara Shah Alam, Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Siswasave yang dikendalikan dengan kerjasama Gabungan Koperasi Siswa Malaysia Berhad (KOSISMA) akan diserahkan kepada Koperasi Usahawan Siswa (KOSISWA) selepas enam bulan beroperasi untuk menguruskannya bagi mendedahkan pelajar IPT kepada kemahiran perniagaan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata Siswasave dapat dijadikan inkubator perniagaan kedai runcit sebagai satu daripada program pembangunan keusahawanan, sekaligus menyediakan barangan asas keperluan pelajar pada harga lebih rendah berbanding harga pasaran.

Beliau berharap pengurusan KOSISWA yang diberi peluang membuka Siswasave dapat memberikan perkhidmatan terbaik.

“Pelajar pula hendaklah menjadi anggota KOSISWA dan membeli barangan keperluan mereka di kedai

ini,” katanya pada sidang media selepas melancarkan Siswasave UIAM di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha KPT, Datuk Ab Rahim Md Noor; Pemangku Rektor UIAM, Prof Dr Ahmad Faris Ismail dan Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UIAM, Prof Dr Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod.

Khaled berkata, penubuhan Siswasave itu inisiatif KPT bagi memperhebat gerakan koperasi di IPT sebagai wadah bagi pelajar menjalankan perniagaan dan pembangunan sosial, selain melahirkan pelapis pemimpin berilmu.

Ketika ini, ada 153 koperasi beroperasi di IPT dengan 198,000 ahli serta modal RM87 juta, tetapi majoriti ahlinya adalah pensyarah dan kakitangan IPT.



MOHAMED KHALED menunjukkan barangan keperluan yang dijual Siswasave di UIAM Gombak, semalam.